

BAB LAPAN KESIMPULAN

Kajian mengenai pentadbiran kewangan kolonial merupakan satu kaedah penyelidikan baru dalam bidang sejarah ekonomi Malaysia. Kajian ini menggunakan belanjawan kolonial sebagai dokumen sejarah asas yang mengandungi data ekonomi yang menggalor ciri-ciri dan pola-pola utama keadaan ekonomi Johor. Apabila maklumat ini di susun mengikut satu tempoh jangka masa yang panjang di bantu dengan gabongan maklumat-maklumat dari sumber yang lain, satu khazanah data yang mencukupi untuk mengkaji sejarah ekonomi Johor.

Belanjawan kolonial merupakan sebahagian daripada laporan tahunan negeri. Laporan tahunan adalah sebahagian daripada laporan rasmi pentadbiran yang ditulis dan diterbitkan setiap tahun. Sebelum ini laporan tahunan setiap negeri di Malaya telah dijadikan bahan utama oleh pengkaji-pengkaji sejarah untuk memahami keadaan umum sesebuah negeri pada satu-satu masa. Pengkaji-pengkaji sejarah sebelum ini hanya memetik sebaris atau seperenggan daripada laporan ini bagi tujuan memperkuuhkan hujjah yang diutarakan. Tanpa mempertikaikan kesahihan dan relaiti laporan tersebut, pengkaji-pengkaji terus menerima sebagai sesuatu yang murni. Mereka hanya mampu dan bersetuju dengan apa yang tersurat

dalam laporan-laporan tahunan itu. Sebenarnya laporan tahunan ini juga dikenali sebagai laporan kemajuan negeri yang ditulis oleh Residen atau Penasihat British dengan tujuan untuk memperlihatkan tahap kemajuan sesuatu negeri mengikut acuan atau format laporan tahunan yang dikehendaki.

Kajian ini telah mengalihkan landasan kajian terdahulu dari "sejarah rasmi" kepada kajian yang berasaskan data-data mentah yang terletak di bawah tajuk *Revenue and Expenditure*. *Revenue and Expenditure* ini merupakan data perangkaan yang rumit, kaku dan membosankan yang amat sukar difahami dan tidak digemari oleh ahli-ahli sejarah. Walaupun data tersebut didapati dalam setiap laporan pada setiap tahun, ahli-ahli sejarah biasanya melangkahi muka surat tersebut seolah-olah data-data itu tiada kepentingannya. Bagi mereka yang memahaminya, data-data kaku ini adalah kunci untuk mengetahui sejarah ekonomi sesebuah negeri. Data-data ini mempunyai maklumat lebih daripada apa yang ditulis oleh Residen atau Penasihat British. Bagaimana pun apa yang lebih penting bagi mereka yang dapat menganalisa dengan baik, mereka mengetahui apa yang tersirat daripada data-data mentah tersebut.

Di bawah tajuk *Revenue and Expenditure* terdapat beberapa tajuk kecil yang berubah dari masa ke semasa. Perubahan ini terjadi kerana

berlakunya perubahan dalam sumber pendapatan negeri dan cara perbelanjaan negeri. Dalam hal ini untuk mencapai tujuan kajian, pengkaji telah berjaya menyeragamkan format *Revenue and Expenditure*. Di bawah tajuk *Revenue*, pengkaji telah membuat pengelasan seperti berikut kastam, eksais dan lesen, cukai tanah, utiliti dan lain-lain sumber kewangan. Sementara itu di bawah tajuk *Expenditure*, pengkaji telah membuat pengelasan umum seperti gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran, kerja raya, utiliti, perkhidmatan sosial dan peruntukan khas.

Selain daripada *Revenue and Expenditure*, laporan tahunan juga mencatatkan *Assets and Liabilities*. Di bawah tajuk ini ditunjukkan perangkaan yang berhubung dengan pinjaman dan harta negeri. Data-data yang penting ini tidak disentuh atau dihuraikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Laporan tahunan juga setiap tahun secara berterusan memaparkan data-data eksport dan import. Dalam hal eksport data yang ditunjukkan termasuklah jenis komoditi yang dieksport, bersama dengan jumlah kuantiti dan nilainya. Dengan menganalisa data-data tersebut, sejarah ekonomi Johor dapat diimbas kembali atau digalor semula bagaimana ekonomi negeri Johor telah berubah dari ekonomi yang berasaskan kepada keluaran hutan seperti getah perca kepada tanaman

gambar dan lada hitam pada akhir abad ke 19. Di awal abad ke 20, kepentingan jenis tanaman telah berubah kepada kelapa, pinang dan getah. Dalam dekad kedua abad ke 20, getah telah mendahului tanaman-tanaman lain dari segi nilai eksport. Pada tempoh masa ini Johor merupakan pengeluar utama getah, kelapa dan pinang di Malaya.

Pada akhir tahun 1920an, Johor telah mendivesifikasi kegiatan pertanian eksportnya dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit dan nenas. Dalam hal ini, Johor sekali lagi menjadi pengeluar kelapa sawit dan nenas utama di Malaya. Hasil kajian ini mendapati Johor begitu mementingkan tanaman eksport berbanding dengan tanaman makanan. Tanaman makanan khususnya padi amat sedikit dan tidak stabil. Fenomena ini mempersoalkan kenyataan umum sejarawan yang selama ini menggambarkan bahawa orang-orang Melayu adalah penanam padi secara sara diri. Bagaimanapun hasil kajian ini memperlihatkan keadaan yang sebaliknya di mana orang-orang Melayu telah lama bergiat dalam kegiatan tanaman eksport secara perdagangan.

Johor bukanlah merupakan sebuah negeri pengeluar bijih timah yang utama di Malaya. Bagaimanapun ia merupakan pengeluar bijih besi yang terpenting di Malaya. Bijih besi yang dikeluarkan adalah jenis bermutu tinggi yang mempunyai permintaan tinggi dari negara luar. Perlu

dijelaskan di sini bahawa Johor adalah pembekal utama bijih besi ke Jepun sebelum Perang Dunia Kedua. Dengan kata lain, pembangunan dan perkembangan industri di Jepun sedikit sebanyak adalah bergantung kepada perkembangan pengeluaran bijih besi di negeri Johor.

Dari segi import didapati tiga kelas import yang penting iaitu *live animals, food, drinks and narcotics, raw materials* dan *manufactured articles*. Secara umum *live animals, food, drinks and narcotics* merupakan bahan import yang terpenting negeri Johor dan ianya memperlihatkan pertambahan yang berterusan sepanjang tempoh masa kajian. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, bahawa Johor amat bergantung kepada sumber-sumber bahan makanan dari luar. Johor hanya mengusahakan tanaman makanan dalam keadaan terdesak atau terhimpit sahaja, seperti di zaman kemelesetan ekonomi dunia dan juga di masa Perang Dunia Kedua.

Import kedua penting bagi negeri Johor ialah *manufactured articles*. Seperti bahan import pertama di atas, *manufactured articles* juga memperlihatkan pertambahan yang pesat. Ini sejajar dengan perkembangan ekonomi secara umum yang memerlukan banyak bahan-bahan import seperti *machinery, material for building, electrick lighting, and telegraph and telephone*. Sementara bahan import yang ketiga penting dari kelas *raw materials* yang kebanyakannya terdiri daripada *oil, wood, and gums and*

resins.

Sebagai sebuah negeri yang utama dalam pengeluar getah, kelapa, pinang, kelapa sawit, nenas dan bijih besi, negeri Johor telah menarik perhatian ramai pelabur, buruh dan peneroka untuk berhijrah dan menetap di negeri itu. Dalam sektor penanaman getah, ianya telah menarik kemasukkan pelabur-pelabur Eropah, Cina dan Jepun yang mengusahakan ladang-ladang getah berskala besar melebihi 100 ekar. Bagi ladang getah yang bersaiz sederhana di antara 25 hingga 100 ekar, dari segi pemilikan ianya didominasi oleh pemodal-pemodal Cina. Sementara bagi kebun-kebun getah berkeluasan kurang dari 25 ekar majoritinya dimiliki oleh pekebun-pekebun Melayu.

Bagi tanaman kelapa sawit keadaannya amat berbeza. Dari segi pemilikan didapati kawasan yang begitu luas hanya dimiliki oleh beberapa buah syarikat British, Kerabat Diraja Johor dan sebilangan kecil pemodal Cina dan India. Tidak seperti tanaman getah, dalam kegiatan tanaman kelapa sawit pemodal-pemodal Jepun langsung tidak terlibat kerana mereka tidak dibenarkan berbuat demikian. Kebenaran untuk mengusahakan tanaman kelapa sawit juga tidak diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Tanaman nenas juga merupakan tanaman eksport, bagaimana pun dari segi pemilikan kesemuanya dimiliki oleh pemodal-

pemodal Cina yang mengusahakannya secara ladang yang luasnya melebihi 100 ekar.

Tanaman kelapa dan pinang amat sedikit sekali diusahakan secara ladang yang luas. Kebanyakannya diusahakan secara ladang sederhana dan kebun kecil. Bagi tanaman kelapa dan pinang ini, keduanya didominasi oleh pengusaha-pengusaha Melayu. Walaupun terdapat pelabagaian dari segi pemilikan kawasan dan jenis tanaman, namun begitu dari segi pemerosesan, penyimpanan, penggredan, pembungkusan dan pengangkutan hampir keseluruhannya dikendali dan dimiliki oleh syarikat-syarikat Cina. Dalam sektor perlombongan bijih besi, dari peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran kesemuanya dimonopoli oleh beberapa orang pengusaha Jepun.

Kemasukan golongan pemodal diiringi bersama dengan kemasukan buruh dan peneroka. Ini disebabkan kegiatan ekonomi pada masa itu khususnya pertanian dan perlombongan adalah berdasarkan intensif buruh. Kemasukan buruh dan peneroka ini telah menambahkan bilangan penduduk Johor dengan pesatnya, seperti yang dipamirkan oleh data-data Banci Penduduk 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957. Secara umum buruh dan peneroka Melayu datang dari pelbagai pelusuk Kepulauan Melayu, khususnya dari Pulau Jawa, Pulau Sumatera, Pulau Sulawesi dan Gugusan

Kepulauan Riau Lingga. Sementara itu buruh dan peneroka Cina yang awal juga datang dari Gugusan Kepulauan Riau Lingga. Bagaimanapun buruh dan peneroka Cina yang kemudian, yang berhijrah secara besar-besaran datang dari Benua Kecil China. Orang-orang India hanya terlibat sebagai buruh yang rata-rata mereka datang dari Benua Kecil India.

Lanjutan daripada perkembangan ekonomi, negeri Johor telah mengalami pertambahan penduduk yang terpesat di Malaya dari 1911-1957. Pada tahun 1911 jumlah penduduk negeri Johor adalah seramai 180,412 dan telah bertambah sebanyak 5.14 kali ganda kepada 926,850 orang pada tahun 1957. Kemasukkan penduduk secara beramai-ramai ini telah membangunkan pertempatan dan bandar-bandar pinggir pantai, bagaimanapun yang lebih penting penduduk ini telah meneroka dan membuka kawasan pendalaman sehingga berjaya mengwujudkan beberapa buah bandar baru di bahagian tengah negeri Johor, sepanjang jalan keretapi yang menghubungkan negeri-negeri Tanah Melayu dengan Singapura.

Perkembangan ekonomi yang pesat akibat kemasukan golongan pemodal dan kebanjiran penduduk dari luar, memerlukan satu struktur pentadbiran yang tersendiri oleh pentadbiran kolonial. Melalui perjanjian 1914, *General Adviser Johore* berjaya memperkenalkan sistem pentadbiran kolonial dengan undang-undang dan peraturan serta pejabat-pejabat awam, untuk mengintegrasikan ekonomi Johor dengan ekonomi

dunia. Pentadbiran Kolonial mengada, mengumpul, menyusun rekod untuk tujuan pentadbiran dan setiap tahun melaporkan kemajuan yang dicapai kepada *Colonial Office* di London.

Pejabat utama yang penting mengumpul dan menguruskan data-data ekonomi negeri Johor ialah *Financial Commissioner's Office*. Pejabat ini berperanan mengumpul, menyusun, melapor dan merancang peruntukan belanjawan negeri termasuk *Revenue and Expenditure* dan juga *Assets and Liabilities*.

Pejabat-pejabat utama yang terlibat dalam memungut, mengumpul dan mengendalikan sumber pendapatan kewangan negeri Johor adalah *Jabatan Kastam, Jabatan Eksais dan Lesen* dan *Pejabat Tanah*.

Dalam tempoh masa kajian ini 1911-1940, sumber pendapatan kewangan negeri Johor telah berubah dari eksais dan lesen pada peringkat awal kepada kastam yang memperolehi pendapatan daripada cukai eksport. Di awal 1920an, cukai import khususnya macis dan rokok merupakan sumber yang penting. Hanya dalam zaman kemelesetan baharu memperlihatkan peningkatan pendapatan daripada cukai tanah dan cukai import. Pada tahun 1930an sumber pendapatan kewangan negeri Johor telah diperluaskan lagi. Pada kali ini sumber pendapatan diperolehi dari bayaran perkhidmatan utiliti seperti air dan elektrik. Bayaran yang kemudian ini dikutip oleh Majlis Bandaran.

Dari segi perbelanjaan bagi menjalankan jentera pentadbiran, didapati Pentadbiran Kolonial telah memperuntukan jumlah wang yang besar bagi membayar gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran. Jumlah peruntukan bagi tujuan tersebut tidak pernah dikurangkan walaupun semasa kemelesetan ekonomi dunia. Perbelanjaan yang kedua terbesar selepas gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran ialah kerja raya. Perbelanjaan kerja raya yang besar adalah untuk membina, menambah, mengubahsuai, membaik pulih dan meningkatkan mutu infrastruktur khususnya jalanraya.

Selain daripada kerja raya, sebahagian daripada peruntukan belanjawan digunakan untuk mengadakan kemudahan utiliti seperti telegraf dan telefon, air dan elektrik. Semua kemudahan tersebut diadakan di bandar-bandar negeri itu. Perkhidmatan kemudahan ini berkembang mengikut kembang dan tumbuhnya sesebuah bandar.

Setakat ini perbelanjaan lebih cenderung kepada memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada golongan pemodal. Oleh yang demikian dapat dikatakan perbelanjaan negeri lebih mirip kepada "*economic budget*" daripada "*social budget*". Pelajaran dan kesihatan yang terletak di bawah ketegori perkhidmatan sosial secara relatif hanya diberi peruntukan yang kecil sahaja. Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris dibina dan dibiayai sepenuhnya oleh Pentadbiran Kolonial. Sementara itu pembinaan sekolah Cina dan Tamil tidak dihalang, tetapi kos pembinaan

dan operasinya dibiayai oleh pihak swasta. Oleh kerana peruntukan yang terhad selain daripada sekolah, kemudahan kesihatan khususnya hospital juga dibina dalam bilangan yang kecil. Hospital yang ada tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan dan kakitangan yang sepatutnya. Seperti sekolah, kemudahan kesihatan juga disediakan oleh pihak swasta di ladang-ladang pertanian.

Selain daripada perbelanjaan di atas, dari masa ke semasa pentadbiran kolonial telah memperuntukkan sejumlah wang yang agak besar di bawah jodol *Special Votes* atau Peruntukan Khas. Peruntukan Khas yang pertama pada tahun 1906, kerana membina landasan keretapi yang melibatkan belanjawan sebanyak \$12,000,000, dimana wang tersebut diperolehi daripada pinjaman dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Peruntukan Khas yang kedua, bukan merupakan projek pembinaan tetapi merupakan satu bentuk bayaran gantirugi yang dikenali sebagai “Kanchu Abolishment Rights” yang dilaksanakan pada tahun 1917. Pembayaran gantirugi yang berjumlah sebanyak \$ 787,037 membolehkan pihak Pentadbiran Kolonial memperolehi semua hak “Kanchu” yang selama ini dimonopoli oleh pemodal Cina. Bagi pihak pemodal Cina pula, selepas dengan menerima wang gantirugi tersebut mereka telah dapat bergiat cergas dalam ekonomi Johor dengan cara membuka ladang-ladang getah yang luas, yang akhirnya menjadi komoditi utama dalam eksport negeri Johor.

Tambak Johor merupakan satu lagi projek di bawah Peruntukan Khas yang menelan belanja sebanyak \$ 2,384,723. Projek ini yang siap dibina pada tahun 1924, merupakan nadi utama yang menghubungkan negeri-negeri Tanah Melayu dengan Pulau Singapura. Selain daripada projek di atas, peruntukan khas juga telah digunakan untuk membina Pejabat Menteri Besar di Bukit Timbalan pada tahun 1940 yang menelan belanja sebanyak \$2,000,000, dan Istana Bukit Serene pada tahun 1937 yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$1,500,000.

Peruntukan Khas selain daripada tujuan pembinaan dan bayaran gantirugi, ianya juga digunakan semasa kecemasan. Umpamanya, pada tahun 1919 peruntukan sebanyak \$ 5,199,813 telah digunakan untuk membeli beras dan tepung, kerana pada masa itu negeri Johor mengalami masalah kekurangan bekalan makanan. Menjelang Perang Dunia Kedua, Pentadbiran Kolonial telah berusaha untuk menggalakkan tanaman makanan, khususnya tanaman padi. Bagi menjayakan projek tersebut, di bawah peruntukan khas, wang sebanyak \$1,200,000 telah diperuntukkan.

Dengan melihat kepada struktur pendapatan dan perbelanjaan negeri, beberapa rumusan mengenai polisi kewangan Pentadbiran Kolonial dapat disimpulkan. Pertama, polisi awal Pentadbiran Kolonial cuba menyelesaikan segala hutang-piutang yang ditanggung oleh kerajaan negeri. Ini semua telah dapat dilakukan apabila pentadbir kolonial berjaya

menghasilkan lebihan kewangan. Untuk menghasilkan lebihan, Pentadbiran Kolonial telah berusaha mendapatkan seberapa banyak pendapatan dengan cara mempelbagai dan memperluaskan kaedah pengutipan hasil negeri. Pada masa yang sama Pentadbiran Kolonial seboleh yang mungkin berjimat dalam perbelanjaan negeri. Pentadbiran Kolonial pada peringkat awal hanya membelanjakan wang negeri kepada perkara-perkara yang benar-benar perlu dan keperluan yang mendesak. Selain daripada itu Pentadbiran Kolonial hanya berbelanja kepada perkara-perkara yang boleh menghasilkan atau menjadi sumber pendapatan di masa akan datang.

Kedua, polisi kewangan selepas penyelesaian hutang 1918 di mana Pentadbiran Kolonial menggunakan kaedah yang sama bagi mendapatkan pendapatan dan pendekatan yang serupa bagi menjimatkan belanjawan. Perkara yang berbeza adalah cara Pentadbiran Kolonial menggunakan lebihan kewangan negeri. Dari tahun 1918 hingga 1940, boleh dikatakan hampir setiap tahun Pentadbiran Kolonial berjaya menghasilkan lebihan kewangan. Lebihan kewangan ini secara umum telah diagihkan kepada tiga sektor iaitu simpanan wang tunai, deposit tetap dan portfolio pelaburan kewangan. Simpanan wang tunai dan deposit tetap disimpan di dalam bank perdagangan dalam negeri, iaitu cawangan *Hong Kong & Shanghai Bank* di Johor Bahru. Semenjara itu portofolio pelaburan kewangan pula, melalui *Crown Agent* membuat pelaburan di luar negeri

seperti Afrika, Oceania, Timur Tengah, Amerika Selatan dan Kanada.

Dalam pada itu sebahagian besar daripada wang yang terkumpul dilaborkan ke Britain dalam bentuk *bonds*, *funds* dan *securities*. Dalam masa kemelesetan ekonomi dunia, Johor mengalami belanjawan defisit. Untuk menampung defisit yang ada, Pentadbiran Kolonial telah menggunakan stok simpanan wang tunai.

Ketiga, jika dilihat dalam tempoh jangka masa yang panjang didapati komposisi lebihan kewangan memperlihatkan perubahan. Pada peringkat awal (1914), simpanan wang tunai merupakan bentuk lebihan kewangan yang terbesar iaitu 97.21%. Bakinya portfolio pelaburan kewangan 2.79%. Tidak ada sebarang bentuk deposit tetap pada masa ini. Pada tahun 1928, komposisi lebihan berubah di mana simpanan wang tunai telah berkurangan kepada 14.69%. Sementara itu deposit tetap adalah sebanyak 18.61%. Di peringkat ini lebihan kewangan ditumpukan kepada portfolio pelaburan kewangan iaitu sebanyak 66.70%. Peringkat seterusnya pada tahun 1932, komposisi lebihan kewangan terdiri daripada simpanan wang tunai sebanyak 0.32%, deposit tetap 22.48% dan selebihnya iaitu sebanyak 77.19% dalam bentuk portfolio pelaburan kewangan. Akhirnya pada tahun 1940, komposisi lebihan kewangan terdiri daripada simpanan wang tunai sebanyak 7.72%, deposit tetap tidak ada dan baki yang begitu banyak iaitu sebanyak 92.28% dalam bentuk portfolio pelaburan kewangan.

Daripada perangkaan di atas jelas dapat dilihat, bahawa peratusan simpanan wang tunai semakin mengecil, sementara portfolio pelaburan kewangan di mana semua wang dilaborkan di luar negeri semakin membesar daripada kurang 3% kepada melebihi 90%. Strategi kewangan begini amat wajar dilakukan bagi menjamin segala lebihan yang ada supaya terus berada di tangan Pentadbiran Kolonial dalam apa keadaaan sekali pun.

Ke empat Pentadbiran Kolonial berjaya menghasilkan lebihan terkumpul dalam jumlah yang begitu besar. Bagaimanapun jumlah pengumpulan lebihan berbeza dari satu masa ke tempoh masa yang lain. Dari tahun 1914 hingga 1928, Pentadbiran Kolonial menghasilkan lebihan terkumpul sebanyak \$34,926,186. Jumlah ini merupakan yang terbanyak sepanjang tempoh masa kolonial British mentadbir negeri Johor. Tempoh masa yang berikutnya 1929-1932, jumlah lebihan terkumpul meningkat sebanyak \$2,434,828 kepada \$37,361,014 pada tahun 1932. Seterusnya dalam tempoh masa 1933-1940, jumlah lebihan yang dapat dikumpul adalah sebanyak \$4,228,116. Jumlah keseluruhan lebihan kewangan yang berjaya dikumpul oleh Pentadbiran Kolonial dari tahun 1914 hingga ke tahun 1940 adalah berjumlah sebanyak \$41,281,900. Perlu dijelaskan di sini lebihan kewangan yang diperolehi oleh Pentadbiran Kolonial dari 1hb. Januari 1941 hingga 31hb. Disember 1941, iaitu sebelum tentera Jepun

menguasai Johor tidak dicatatkan dalam mana-mana buku kira-kira kewangan.

Cara pentadbiran kewangan kolonial berakhir apabila tentera Jepun mengambil alih tampok pemerintahan. Seperti yang pernah dijelaskan sebelum ini, Pentadbiran Kolonial seboleh mungkin telah membuat pelaburan lebihan kewangan negeri di beberapa buah negara di luar negeri Johor. Wang yang disimpan dalam bentuk tunai jumlahnya amat kecil sekali. Dengan yang demikian apabila tentera Jepun mengambil alih tampok pemerintahan, didapati tiada wang yang ditinggalkan oleh Pentadbiran Kolonial.

Dengan tiadanya wang yang ditinggalkan, tentera Jepun terpaksa mentadbirkan kewangan dengan caranya yang tersendiri. Untuk memperolehi pendapatan, pentadbiran Jepun tidak boleh mengharapkan cukai kastam disebabkan keadaan ekonomi pasaran pada masa itu telah lumpuh. Pentadbiran Jepun memperolehi pendapatan daripada yang lalu seperti cukai tanah, lesen dan eksais dan utiliti. Bagaimanapun jumlah yang diperolehi adalah kecil sahaja. Untuk menambahkan pendapatan pentadbiran Jepun telah memperkenalkan cukai hiburan. Selain daripada cukai hiburan, pentadbiran Jepun cuba memperolehi pendapatan dengan cara memperkenalkan Bank Rakyat dan *Southern Regions Development Bank*. Oleh kerana pendapatan amat terhad, maka pentadbiran Jepun tidak

dapat membuat perbelanjaan yang besar. Program-program yang dijalankan semasa Pentadbiran Kolonial terpaksa dihentikan. Kerja raya yang banyak melibatkan pembaikkan kemasuhan akibat perang, dijalankan secara kerahan tenaga dan buruh paksa. Perbelanjaan sebahagian besarnya digunakan untuk membayar gaji kakitangan dan pembiayaan makanan bagi tentera Jepun dan pihak yang terlibat dalam kerja-kerja yang dirancang oleh pentadbiran Jepun. Keadaan selepas perang dan kelumpuhan ekonomi dunia menyebabkan pentadbiran Jepun tidak berjaya menghasilkan lebih.

Selepas tentera Jepun menyerah kalah, pihak berkuasa British mengambil semula menjajah Negeri-Negeri Tanah Melayu. Pentadbiran British kali ini meneruskan asas yang telah diletakkan oleh tentera Jepun, iaitu mentadbir negara ini secara pentadbiran pusat. Pada tahun 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan.

Dengan tamatnya Perang Dunia Kedua, ekonomi dunia telah beransur pulih dan seterusnya berkembang pesat. Sejajar dengan perkembangan ekonomi tersebut, Negeri-Negeri Tanah Melayu telah memainkan peranan sedia ada, iaitu menjadi pembekal utama komoditi-komoditi pertanian dunia, antaranya termasuklah getah, kelapa sawit, nenas dan kelapa. Dalam hal ini negeri Johor merupakan negeri utama di kalangan Negeri-Negeri Tanah Melayu dalam pengeluaran komoditi-komoditi tersebut. Pertambahan permintaan dunia terhadap komoditi

tersebut telah memberi kemakmuran kepada negeri Johor.

Kemakmuran yang dinikmat oleh negeri Johor, tidak dikecapi secara bersendirian tetapi harus berkongsi dengan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Ini disebabkan dalam hal pengurusan kewangan, negeri Johor tidak lagi mempunyai kuasa autonomi kewangan seperti yang dinikmatinya sebelum Perang Dunia Kedua. Perkara ini amat jelas dapat dilihat dalam soal pengutipan hasil negeri, cara perbelanjaan negeri dan yang lebih penting ialah dalam menentukan cara pengurusan lebihan kewangan negeri. Bukan itu sahaja, corak, tahap dan arah pembangunan juga ditentukan oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Di bawah Pentadbiran Kolonial Persekutuan, semua lebihan kewangan yang dikumpulkan oleh Pentadbiran Kolonial Negeri Johor diserahkan kepada pentadbiran pusat. Lebihan kewangan tersebut dianggap sebagai aset kewangan Persekutuan Tanah Melayu.

Pentadbiran kewangan kolonial yang dijelaskan di atas, sama ada waktu Johor atau pun waktu Persekutuan Tanah Melayu tidak ramai pengkaji yang menelitiinya. Bagaimanapun orang yang punya negeri, yang bersemayam, bertahta dan memerintah negeri Johor dari tahun 1896 hingga tahun 1959 sangat maklum, arif dan tidak alpa kepada perkara yang dilakukan oleh pentadbiran British. Baginda yang sentiasa sedar akan asal usulnya, bertitah:

*"I am the seventeenth direct descendent of the last Great Sultan of Malacca whose country was invaded by the Portuguese in 1511.",*¹

membangkitkan persoalan sejarah ekonomi yang pengkaji halusi sekarang pada 45 tahun yang lalu. Persoalan Baginda telah dicoretkan dalam surat baginda kepada Sir General Gerald Templer, *High Commissioner, Federation of Malaya* yang berbunyi:

*"When I succeeded my August father the first thing I found that the safe of the Treasury was empty and, in addition, all the Government officials and servants were not only regularly paid but many were in arrears; debts all round, but luckily by Divine Will through my energies everything improved within a short time and Johore became prosperous. The country was duly developed and improved and we built railways through Johore joining the Malay States with Singapore by [sic.] having loans from the F.M.S. which were paid off and settled before the expiration of the time agreed. In addition just prior to the Second Great World War fifty million of dollars of Johore money had been deposited with the Crown Agents to be issued as loans to reliable countries, but where is the money now and what about the Johore railway ?"*²

Istana Passir Plangie, 26th March 1952.

NOTA KAKI

1.CO 1022/366: South-East Asia Department, (Secret), H.H.Sultan of Johore
kpd. Sir General Gerald Templer, High Commissioner, Federation of
Malaya,Kuala Lumpur, 26 Mac, 1952, hal:2.

2.Ibid.